

RUU Food Bank ke Parlimen

*Bagi melindungi
penyumbang
daripada
dikenakan
tindakan*

SYAMILAH ZULKIFLI

NILAI

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan membentangkan rang undang-undang (RUU) untuk mengawal aktiviti berkaitan Food Bank atau Bank Makanan pada sidang Parlimen bulan depan.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, rang undang-undang berkenaan yang bakal diperkenalkan itu bertujuan melindungi penyumbang daripada dikenakan tindakan jika berlaku perkara tidak diingini melibatkan makanan yang diberi.

"Kadang-kadang syarikat penyumbang ini memegang jenama antarabangsa dan mereka ambil sikap berhati-hati.

"Mereka bimbang jika ada

masalah pada makanan yang disumbangkan kepada penerima, ia menyebabkan syarikat itu dibawa ke muka pengadilan.

"Jadi undang-undang sebegini perlu untuk melindungi syarikat-syarikat atau penderma.

"Bagaimanapun, dalam tempoh setahun dilaksanakan tidak pernah lagi berlaku sebarang perkara tidak diingini kerana kawalan ketat yang dilakukan ketika proses pembahagian makanan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Food Bank Siswa Peringkat Negeri Sembilan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini semalam.

Saifuddin berkata, dengan adanya undang-undang terbit ia akan lebih memberi keyakinan kepada penyumbang untuk menyumbang.

Kata beliau, berdasarkan pengalaman beberapa negara yang mengamalkannya, kadar penyumbang meningkat 20 peratus dengan adanya undang-undang mengenainya.

"Setakat ini, Peguam Negara (Tan Sri Tommy Thomas) sudah memberikan lampu hijau berkenaan draf rang undang-undang berkenaan.

"Kami akan bentangkan kepada Kabinet dalam tempoh terdekat dan jika Kabinet setuju,



Saifuddin (tiga dari kanan) merasmikan Food Bank Siswa Peringkat Negeri Sembilan di USIM, Nilai semalam.

kami harap dapat dibentangkan dalam sesi Parlimen Oktober ini," katanya.

Beliau berkata, rang undang-undang itu bersifat dinamik dan pada masa akan datang elemen pengecualian cukai kepada pe-

nyumbang akan dimasukkan kerana ia masih di peringkat perancangan.

Kata beliau, sehingga kini terdapat seramai 430 penyumbang di seluruh negeri melibatkan para raya, syarikat peruncitan dan

syarikat pembungkusan minyak.

USIM merupakan universiti ke-15 yang melaksanakan Bank Makanan dan sehingga Julai tahun ini, seramai 4,670 pelajar menerima manfaat.

HARI :
TARikh :
MASURAT :
JUMAAT
20/9/2019
19